Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 6, Issue 7, (page 27 - 39), 2021
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i7.916



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 6, Issue 7, July 2021

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocialsciences.com

Kesejahteraan Subjektif Kewangan dalam kalangan Orang Asli Mah Meri di Pulau Carey, Selangor

Mohd Fariz Razali[1], Mohd Roslan Rosnon[1], Sarjit S. Gill[1]
[1]Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Correspondence: Mohd Roslan Rosnon (roslan_rosnon@upm.edu.my)

Abstrak

Komuniti Orang Asli sudah mula mengalami perubahan dari segi kesejahteraan kewangan. Oleh itu kesejahteraan kewangan dalam kajian ini hanya mengambil kira dimensi subjektif. Justeru, makalah ini bertujuan untuk mengenal pasti konsep kesejahteraan subjektif kewangan dalam kalangan Orang Asli Mah Meri. Seramai 15 Orang Asli Mah Meri dalam kalangan Ketua Isi Rumah (KIK) dari seluruh perkampungan Orang Asli Mah Meri di Selangor terlibat dalam kajian ini. Kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan reka bentuk kajian adalah secara *exploratory*. Pengumpulan data dilakukan secara temu bual mendalam dan Teknik Kumpulan Nominal (NGT). Pemerhatian tidak turut serta juga digunakan dalam kajian ini. Analisis kajian adalah berasaskan tema. Hasil kajian terhadap konsep kesejahteraan subjektif kewangan terdapat tiga tema besar dibentuk iaitu: (i) kecukupan; (ii) keselesaan; dan (iii) kepuasan yang menggambarkan taksiran psikologikal terhadap dimensi kehidupan iaitu aspek kewangan. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa pengalaman hidup masyarakat Orang Asli terhadap penggunaan barangan dan perkhidmatan sudah mula berubah dalam kalangan komuniti Orang Asli Mah Meri. Mereka sudah mula menikmati dan menggunakan barangan dan perkhidmatan moden untuk kepuasan dan keselesaan mereka. Implikasinya, kesan daripada pembangunan yang ada, kehidupan masyarakat Orang Asli sudah mula berubah. Walaupun secara objektif nya masih nampak kekurangan namun dari segi kesejahteraan subjektif mereka sudah mula berubah.

Kata kunci: kesejahteraan subjektif kewangan, Orang Asli, Mah Meri

Subjective Financial Wellbeing among the Orang Asli Mah Meri in Carey Island, Selangor

Abstract

The changes trend in financial well-being among the Orang Asli community has begun. Therefore, financial wellbeing in this study only takes into account the subjective dimension. Thus, this paper aims to identify the concept of subjective financial wellbeing among the Orang Asli of Mah Meri. Fifteen (15) people of Orang Asli Mah Meri among Ketua Isi Rumah (KIK) from Orang Asli Mah Meri in Selangor participated in this research. A qualitative method has been employed by using a exploratory research design in presenting information obtained via in-depth interview and Nominal Group Technique (NGT). Non-participating observation also has been employed in this research. The results of the study on the concept of subjective financial well-being formed three major themes namely: (i) adequacy; (ii) comfort; and (iii) satisfaction which reflects the psychological assessment of the dimension of life i.e. the financial aspect. The results also show that the life experience of the Orang Asli community on the use of goods

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 6, Issue 7, (page 27 - 39), 2021
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i7.916

and services has begun to change among the Orang Asli community of Mah Meri. They have already begun to enjoy and use modern goods and services for their satisfaction and comfort. The implication is that as a result of the development, the lives of the Orang Asli community have begun to change. Although objectively it still seems lacking but in terms of subjective wellbeing they have begun to change.

Keywords: subjective financial wellbeing, Orang Asli, Mah Meri

---

Pengenalan

Makalah ini memberi fokus perbincangan mengenai konsep kesejahteraan subjektif kewangan dalam kalangan komuniti Orang Asli Mah Meri di Pulau Carey, Selangor. Dalam membincangkan kesejahteraan, pelbagai tafsiran dibuat untuk memahami kesejahteraan hidup. Ada yang melihat kesejahteraan itu sebagai objektif (New Economic Foundation, 2013) dan ada juga yang melihat sebagai subjektif (Sulaiman et al., 2015). Begitu juga konsep kesejahteraan kewangan. Istilah kesejahteraan kewangan sering disebut dan digunakan secara berbeza seperti kesejahteraan ekonomi (Walson & Fitzsimmons, 1993), kepuasan kewangan (Joo & Grable, 2004) dan kesejahteraan kewangan peribadi (Joo & Garman, 1998). Walaupun terdapat pelbagai istilah yang digunakan, namun istilah tersebut menggambarkan konsep kesejahteraan kewangan. Ianya juga boleh di ukur secara objektif (Joo & Garman, 1998) dan juga subjektif (OECD, 2013; Laily & Jariah, 2003).

Dimensi kesejahteraan boleh diukur dalam pelbagai perspektif dan ianya tidak hanya berfokus kepada ekonomi semata-semata. Ia boleh melibatkan pelbagai dimensi pengukuran seperti ekonomi, sosial, pendidikan dan sebagainya seperti dalam Laporan Indeks Kesejahteraan Malaysia (Unit Perancang Eknomi, 2013). Justeru, dalam makalah ini, penulis hanya memberi fokus kepada dimensi kewangan dalam melihat kesejahteraan. Hal ini kerana penulis ingin melihat perubahan yang berlaku ke atas sesebuah komuniti hasil daripada kesan pembangunan yang dijalankan. Kita juga sering melihat sesuatu komuniti itu mundur atau tidak dengan melihat dari pendapatan, nilai pemilikan dan sebagainya. Namun, kita jarang memberi tanggapan kesejahteraan kewangan secara subjektif dengan mengukur persepsi individu mengenai pengalaman hidupnya sendiri.

Persepsi ini dipengaruhi oleh perubahan sosial yang berlaku. Perubahan sosial juga dipengaruhi oleh hubungan seseorang dengan persekitarannya. Jika kita lihat dari sudut kewangan sudah pasti ianya juga berubah mengikut peredaran masa, cuma ada kalanya ianya cepat dan adakala ianya lambat. Choy, Zalina dan Pereira (2010) menyatakan perubahan adalah pergerakan masyarakat dari satu peringkat kehidupan ke peringkat kehidupan yang lain. Namun begitu, menurut Sohana (2016), perubahan sosial juga boleh berlaku sama ada positif mahupun negatif kerana adanya perbezaan di antara pola pemikiran, perbezaan sifat yang memberi impak kepada sikap, perbezaan budaya dan perbezaan hubungan sosial. Justeru, teori evolusi dalam perubahan sosial boleh menjelaskan bagaimana keadaan ini berlaku dan menjadi petunjuk kepada pembangunan komuniti.

Jika kita tinjau keadaan semasa mengenai kesejahteraan subjektif kewangan, ianya sering dikaitkan dengan penggunaan dalam mencerminkan gaya hidup (Mohammad Rahim et al., 2018) dan pengurusan kewangan (Laily & Jariah, 2003; Husniyah & Fazilah, 2012). Oleh yang demikian kesejahteraan subjektif kewangan merangkumi bukan sahaja perasaan puas terhadap keadaan kewangan seseorang pada masa sekarang, tetapi juga menggabungkan pandangan seseorang terhadap keadaan pembelian barangan untuk keselesaan seseorang. Oleh itu, sudah pasti tanggapan ini akan berbeza mengikut budaya seseorang. Hal ini kerana, budaya akan mempengaruhi corak pemikiran, tingkah laku dalam menginterpretasikan kesejahteraan kewangan dan keadaan ini akan terus berlaku seiring dengan proses globalisasi (Blackwell, Miniard & Engels, 2006; Hawkins, Mothersbaugh & Best, 2007).

Masyarakat Orang Asli mempunyai budaya yang sangat unik. Oleh itu, kajian ini dilakukan dengan memberi fokus dalam konteks masyarakat Orang Asli. Mereka juga tidak terkecuali daripada terlibat

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 6, Issue 7, (page 27 - 39), 2021
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i7.916

dalam arus pemodenan mengikut peredaran masa. Pembangunan dan persekitaran telah memberikan impak kepada perubahan nilai dan tingkah laku mereka (Gomes, 2004; Mohd Roslan et al., 2019). Menurut Mohammad Rahim et al. (2018), kesejahteraan subjektif kewangan sering dikaitkan dengan penggunaan dalam gaya hidup dan memberikan keselesaan kepada seseorang. Konsep ini selari dengan konsep konsumerisme dalam kalangan Orang Asli yang diutarakan oleh Ma'rof dan Sarjit (2008). Menurut Ma'rof dan Sarjit (2008), konsumerisme adalah digunakan untuk menerangkan keadaan apabila kegembiraan seseorang dikaitkan dengan pembelian, pemilikan dan penggunaan barangan. Namun konsep kesejahteraan subjektif kewangan dalam kalangan Orang Asli masih belum jelas. Oleh itu makalah ini membincangkan konsep kesejahteraan subjektif kewangan melalui pemahaman masyarakat Orang Asli.

Sorotan Literatur

Orang Asli boleh dianggap sebagai kumpulan minoriti Orang Asli di Malaysia, berbanding kumpulan minoriti lain seperti masyarakat India dan Cina. Penduduk Orang Asli pada tahun 2016 adalah 178, 197, hanya 0.6% daripada populasi Malaysia sebanyak 28.3 juta (Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2016). 'Orang Asli' adalah istilah Melayu yang bermaksud "orang asli" atau "orang pertama" (Nicholas 2000). Akta 134 dalam Perlembagaan Malaysia ada mendefinisikan Orang Asli. Dalam Fasal 3(i) Akta 134 diungkapkan takrifan tentang siapa yang dianggap sebagai Orang Asli di sisi undang-undang. Kesemua bahagian Fasal 3(i) a, b dan c menegaskan bahawa Orang Asli itu hanya boleh dianggap sebagai Orang Asli selagi seseorang itu bercakap dalam bahasa Orang Asli, mengikut cara hidup Orang Asli, adat dan kepercayaan Orang Asli (William-Hunt, 1998; Hasan, 2000; Wan Zawawi, 1996, 2004; Mohd Roslan, 2010). Masyarakat Orang Asli didapati tersebar di 815 buah perkampungan kecil di seluruh Semenanjung Malaysia, kecuali Pulau Pinang dan Perlis (Hasan, 2000). Kebanyakan mereka tinggal di kawasan pedalaman sehinggakan mereka terpinggir daripada arus pembangunan yang pesat pada hari ini. Secara umumnya, Orang Asli di Semenanjung Malaysia terbahagi kepada tiga kumpulan besar iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto.

Orang Asli Mah Meri

Orang Asli Mah Meri adalah etnik di bawah kumpulan Senoi (Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2016). Hampir semua orang Mah Meri tinggal di sepanjang kawasan pesisir di bahagian barat Selangor, dari Sungai Pelek hingga ke Pulau Carey (Mohd Haikal, Mohd Roslan & Jamilah, 2020). Masyarakat Orang Asli Mah Meri, Pulau Carey terkenal kerana penduduknya berkemahiran mengukir kayu tradisional sehingga penempatan mereka dijadikan kawasan pelancongan. Kerana keunikan ini, Werner (1997) menyimpan dan mendokumentasikan kisah-kisah ukiran dan kisah hidup orang Asli Mah Meri dalam karya-karyanya. Nama Pulau Carey berasal daripada Carey Island Co. Ltd, yang merupakan sebuah syarikat yang berpusat di Scotland yang pada awalnya memulakan pertanian kelapa pada akhir tahun 1890-an (Carey, 1973; Rahim, 2007). Rahim (2007) juga menjelaskan lebih lanjut bahawa terdapat lima kampung Mah Meri utama di Pulau Carey iaitu: (i) Kampung Sungai Bumbun; (ii) Kampung Sungai Judah, (iii) Kampung Sungai Kurau; (iv) Kampung Kepau Laut; dan (v) Kampung Rambai.

Secara demografinya, majoriti Orang Asli Mah Meri masih mengikuti kepercayaan animisme, tahyul, dan naturalistik yang mempercayai Moyang mereka, walaupun sebilangan kecil telah memeluk agama Islam atau Kristian (Rahim, 2007). Bagi Orang Asli Mah Meri, Moyang membawa makna nenek moyang mereka dan makhluk atau rohani yang lain (Haikal, Mohd Roslan & Jamilah, 2020). Mereka percaya bahawa roh dan manusia hidup di 'Dunia Keenam' atau juga dikenali sebagai Ti 'Enam (Werner, 1997; Rahim, 2007; Wardhana, Yuhan & Qian, 2014). Selain itu, semua nenek Moyang mereka, roh dan makhluk ghaib yang baik tinggal di 'Dunia Ketujuh' atau 'Dunia Akhir' yang dikenali sebagai Ti 'Tujoh (Rahim, 2007; Wardhana, Yuhan & Qian, 2014). Di bawahnya terdapat lima lapisan 'Dunia Bawah', di mana alam yang dipenuhi dengan roh jahat dan makhluk rohani, hantu, penyakit dan makhluk beracun (Rahim, 2007). Orang Asli Mah Meri merupakan komuniti minoriti yang mengamalkan animisme dan mereka sangat percaya dan bergantung pada semangat hutan dan laut (Wardhana, Yuhan & Qian, 2014).

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 6, Issue 7, (page 27 - 39), 2021
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i7.916

Banyak kajian dan penulisan yang lalu mengenai komuniti Mah Meri. Antara kajian-kajian dan penulisan yang pernah dilakukan adalah seperti pelancongan (Chan, 2010; Puvaneswaran et al., 2013; Roddin, Yusof & Sidi, 2015; Majin, Azman & Lamun Jailani, 2016; Puvaneswaran et al., 2017; Roddin et al., 2017; Ting & Abella, 2017; Shah et al., 2018), budaya (Carey, 1973; Wazir-Jahan, 1981; Werner, 1997; Radzi, 2003, 2004; Stevens, Kruspe & Hajek, 2006; Rahim, 2007; Ching, 2009; Azyantee, 2013; Wardhana, Yuhan& Qian, 2014) kesihatan (Wan Norlida et al., 2007), persekitaran (Haliza, 2010), ekonomi (Lai, 2016) dan kesejahteraan hidup (Majin, Azman & Lamun Jailani, 2016).

Kajian mengenai masyarakat Mah Meri banyak tertumpu kepada budaya dan pelancongan. Kajian-kajian pelancongan yang dijalankan banyak melihat kepada model pelancongan dan pemasaran hasil produk mereka. Begitu juga kajian yang melibatkan budaya banyak menumpukan kepada koleksi tradisi mereka, bahasa dan kepercayaan mereka. Kajian mengenai kesejahteraan masyarakat Orang Asli Mah Meri sangat kurang. Walaupun Majin et al. (2016) pernah menjalankan kajian mengenai kesejahteraan Orang Asli Mah Meri tetapi ianya berfokus kepada pelancongan juga. Lai (2016) yang menjalankan kajian mengenai ekonomi pula memberi fokus kepada aspek gender dalam perubahan hidup dari segi sumber pencarian pendapatan. Oleh itu, atas dasar ini pengkaji tertarik untuk melihat kesejahteraan subjektif kewangan dalam kalangan masyarakat Orang Asli Mah Meri.

Kesejahteraan

Kesejahteraan sering dikaitkan dengan kesejahteraan hidup, kualiti hidup, kegembiraan, kebahagiaan dan sebagainya. Ianya juga boleh di ukur secara objektif (Joo & Garman, 1998) dan juga subjektif (OECD, 2013; Laily & Jariah, 2003). Menurut Laily dan Jariah (2003), kesejahteraan adalah konsep yang meliputi kesejahteraan hidup seseorang di dunia dan akhirat yang boleh diukur secara objektif, subjektif, umum atau kawalan tertentu dan boleh digunakan sebagai kaedah pengukuran tahap kemiskinan. Sulaiman et al. (2015) menyatakan kesejahteraan objektif adalah pengukuran secara kuantitatif untuk mengukur pendapat, perbelanjaan, kesihatan, pendidikan dan sebagainya. Pertambahan pendapatan atau peningkatan ekonomi bukan lagi petunjuk utama kepada kesejahteraan hidup masyarakat. Hal ini kerana pertumbuhan ekonomi boleh menyebabkan peningkatan kadar jenayah yang mampu menggugat keselamatan masyarakat dan secara tidak langsung menjejaskan kesejahteraan hidup. Manakala kesejahteraan subjektif mengukur persepsi individu mengenai pengalaman hidupnya sendiri terhadap pelbagai dimensi kehidupan. Ia merupakan satu taksiran psikologikal individu tentang kecukupan, kepuasan, kesukaan keselesaan dan kegembiraan ke atas beberapa dimensi kehidupan (Sulaiman et al., 2015; Diener, Oishi & Tay, 2018).

Menurut Sulaiman et. al (2015), kesejahteraan hidup ialah satu keadaan yang cukup makan minum, cukup pakaian, tempat tinggal yang selesa dan selamat, ekonomi yang stabil, alam sekitar yang bersih dan jiwa yang tenang seterusnya memberi kebahagiaan hidup. Ferris (2004) menyatakan kesejahteraan hidup mempunyai kaitan dengan kualiti hidup. Hal ini kerana kesejahteraan hidup boleh dipengaruhi dan ditentukan berdasarkan kualiti hidup seseorang. Oleh yang demikian, masyarakat yang sejahtera adalah masyarakat yang mempunyai kualiti hidup yang baik. Manakala Costanza et al. (2007) menerangkan bahawa keperluan asas boleh mempengaruhi kualiti hidup yang dimiliki dan dinikmati oleh masyarakat seterusnya menentukan kesejahteraan hidup mereka. Namun begitu, pengiraan dan penentuan keperluan berbeza mengikut lokasi kerana pengukuran kualiti hidup juga bergantung pada sosioekonomi, budaya dan sosiopolitik sesuatu kawasan (Costanza et al., 2007).

Kesejahteraan Subjektif Kewangan

Pengurusan kewangan meliputi empat aspek utama, iaitu pengurusan kewangan mesti berasaskan perancangan kewangan yang menyeluruh, pendapatan mestilah cukup untuk menampung perbelanjaan, perbelanjaan mestilah dikawal dan pengurusan kewangan berupaya menyelesaikan masalah kewangan (Jariah, 1987). Dari segi teorinya, pengurusan kewangan bertujuan untuk membantu individu merancang wang secara lebih berkesan dengan mengambil kira tentang sumber yang diperoleh, rancangan belanjawan, penyimpanan dan perkara lain berkaitan (Wolf, 1984). Proses pengurusan kewangan berkait rapat dengan bagaimana merancang penggunaan wang dan bagaimana rancangan tersebut dilaksanakan

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 6, Issue 7, (page 27 - 39), 2021
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i7.916

(Garmen & Forgue, 2018; Kholilah & Iramani, 2013). Perancangan kewangan perlu dengan mengukur keadaan kedudukan kewangan pada masa ini sebelum sesuatu urusan kewangan untuk masa hadapan (Sina & Noya, 2012). Dua perkara penting dalam pengurusan kewangan, iaitu belanjawan dan penyimpanan rekod berbelanja (Ruth, 1981).

Istilah kesejahteraan kewangan sering disebut dan digunakan secara berbeza seperti kesejahteraan ekonomi (Walson & Fitzsimmons, 1993), kepuasan kewangan (Joo & Grable, 2004) dan kesejahteraan kewangan peribadi (Joo & Garman, 1998). Walaupun terdapat pelbagai istilah yang digunakan, namun istilah tersebut menggambarkan konsep kesejahteraan kewangan. Menurut Consumer Financial Protection Bureau (2015), secara umumnya konsep kesejahteraan kewangan adalah dapat memenuhi keperluan kewangan semasa dan akan datang, rasa selamat dengan kewangan masa hadapan dan bebas membuat keputusan bagi menikmati kehidupan.

Menurut Sorgente dan Lanz (2017) menyatakan bahawa kesejahteraan kewangan terbahagi kepada dua iaitu kesejahteraan kewangan objektif dan kesejahteraan kewangan subjektif. Kesejahteraan kewangan objektif adalah sumber material seseorang seperti pendapatan manakala kesejahteraan kewangan subjektif ialah persepsi dan penilaian seseorang merangkumi aspek kognitif serta emosi terhadap keadaan kewangannya (Sorgente & Lanz, 2017). Sorgente dan Lanz (2017) juga menekankan lima aspek dalam memahami kesejahteraan kewangan subjektif iaitu kesejahteraan kewangan subjektif secara umum iaitu penggunaan, pengurusan kewangan, perbandingan dengan rakan sebaya, memiliki wang dan kewangan masa hadapan. Selain itu, kesejahteraan subjektif kewangan juga sering dikaitkan dengan penggunaan dalam mencerminkan gaya hidup (Mohammad Rahim et al., 2018), dan pengurusan kewangan (Laily & Jariah, 2003; Husniyah & Fazilah, 2012). Oleh yang demikian, adalah sesuai untuk kajian ini meneliti konsep kesejahteraan subjektif kewangan daripada perspektif masyarakat Orang Asli Mah Meri untuk memahami dengan lebih mendalam mengikut pemikiran minoriti. Hasil daripada pembangunan yang dijalankan sudah pasti perubahan berlaku dalam kalangan masyarakat Orang Asli terutamanya dari segi kesejahteraan kewangan ini.

Metod Kajian

Kajian ini dilaksanakan secara kualitatif. Reka bentuk penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini adalah Kajian *exploratory*. Reka bentuk penyelidikan ini juga boleh dibuat ke atas perkara yang biasa, tetapi jarang dikaji. Reka bentuk kajian secara *exploratory* mungkin tidak dapat memberi gambaran yang tepat, namun ianya boleh memberi pertunjuk ke arah mendapatkan hasil yang dikehendaki (Babbie, 2001; Othman, 2007). Lokasi kajian adalah di kampung-kampung Orang Asli di Pulau Carey, Selangor. Kawasan ini merupakan kawasan pinggir bandar dan penempatan Pulau Carey ini merupakan sebuah kawasan yang sedang pesat membangun dengan pertumbuhan pesat kawasan perindustrian dan perladangan. Justeru, ia sesuai untuk melihat dan menilai sejauh kesejahteraan subjektif kewangan dalam kalangan masyarakat Orang Asli Mah Meri ini. Kajian ini melibatkan individu berumur 18 tahun ke atas sebagai responden kajian dan mereka adalah Ketua Isi Rumah (KIR). Pemilihan informan dalam kalangan KIR adalah kerana mereka merupakan ketua keluarga yang menguruskan kewangan keluarga. Budaya masyarakat Orang Asli sangat menghormati ketua dalam keluarga dan komuniti (Sarjit & Mohd Roslan, 2018; Sarjit, Mohd Roslan & Ma'rof, 2010). Oleh itu KIR boleh mewakili dalam menjawab objektif kajian. Bilangan informan kajian adalah bergantung kepada titik tepu dapatan kajian. Titik tepu ini dianggap tercapai apabila tambahan responden atau informan tidak lagi menghasilkan pengetahuan baru (tepu). Seramai 15 orang informan yang terlibat dalam kajian ini. Lokasi tidak mewakili bilangan yang setara berikutan kajian ini mengguna pakai teknik *snowball sampling*. Teknik pengumpulan data menggunakan kaedah temubual mendalam dan Teknik Kumpulan Nominal (*Nominal Group Technique*) (NGT) sebagai strategi untuk memperoleh dan mengumpulkan data primer. Analisis berasaskan tema digunakan dalam menganalisis kesemua objektif kajian. Tema dilakukan berdasarkan kepada *transcribing* temu bual. Tema diwujudkan berdasarkan analisis data kajian yang dilakukan adalah melalui proses memeriksa, mengkategorikan, menjadualkan atau kombinasi beberapa penyataan bagi menunjukkan keseluruhan dapatan kajian (Newman, Thompson & Robert, 2006). Tema juga berdasarkan maklumat yang dominan yang diberikan oleh informan kajian.

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 6, Issue 7, (page 27 - 39), 2021
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i7.916

Hasil Kajian dan Perbincangan Kajian

Latar Belakang Informan Kajian

Secara keseluruhannya informan yang terlibat dengan kajian ini merupakan dari suku kaum Mah Meri dan mereka majoritinya adalah agama Islam. Dari segi pendidikan pula, kebanyakannya informan tidak mendapat pendidikan. Namun, tahap pendidikan sekadar sekolah rendah menunjukkan peratusan yang agak tinggi iaitu 33.3 peratus. Hal ini menunjukkan satu perkembangan yang baik dari segi tahap pendidikan dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Pulau Carey ini. Majoriti informan adalah bekerja dan melakukan kraf tangan dengan pendapatan kurang daripada RM1200.00 sebulan. Justeru ia menggambarkan bahawa sebahagian besar masyarakat Orang Asli di Pulau Carey berada di bawah garis kemiskinan. Justeru, latar belakang demografi ini dapat menjelaskan kepada kita bahawa masyarakat Orang Asli masih jauh ketinggalan daripada masyarakat arus perdana dari segi kualiti hidup. Namun, terdapat juga perubahan hidup terutamanya dari segi pendidikan anak-anak mereka. Jadual 1 menunjukkan demografi informan kajian.

Jadual 1: Demografi Informan Kajian

Perkara	n	%	min
Jantina			
Lelaki	7	46.7	
Perempuan	8	53.3	
Umur			
< 21 tahun	2	13.3	40
22 tahun – 30 tahun	5	33.3	
31 tahun – 60 tahun	6	40.1	
>61 tahun	2	13.3	
Agama			
Islam	8	53.3	
Animisme/Agama Adat	7	46.7	
Status Perkahwinan			
Berkahwin	12	80.0	
Kematian Pasangan	3	20.0	
Bilangan Anak			
< 3 orang	4	26.7	
4 orang – 6 orang	8	53.3	
7 orang – 9 orang	2	13.3	
>10 orang	1	6.7	
Bilangan Anak Bersekolah			
< 3 orang	10	66.7	
4 orang – 6 orang	5	33.3	
Tahap Pendidikan			
Tidak Bersekolah	6	40.0	
Sekolah Rendah	5	33.3	
Sekolah Menengah	4	26.7	
Status Pekerjaan			
Bekerja	15	100	

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 6, Issue 7, (page 27 - 39), 2021
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i7.916

Pekerjaan Utama			
Penangkap Ikan / Nelayan	2	13.3	
Kraftangan	10	66.7	
Pemungut Hasil Hutan	2	13.3	
Jurujual / Peniaga	1	6.7	
Jumlah Pendapatan			
< RM600.00	5	33.3	
RM601.00 – RM1200.00	8	53.3	875.61
>RM1201.00	2	13.4	

Konsep Kesejahteraan Subjektif Kewangan

Istilah kesejahteraan kewangan sering disebut dan digunakan secara berbeza seperti kesejahteraan ekonomi (Walson & Fitzsimmons, 1993), kepuasan kewangan (Joo & Grable, 2004) dan kesejahteraan kewangan peribadi (Joo & Garman, 1998). Walaupun terdapat pelbagai istilah yang digunakan, namun istilah tersebut menggambarkan konsep kesejahteraan kewangan. Namun, dalam kajian ini, konsep kesejahteraan kewangan diberi fokus kepada kesejahteraan subjektif kewangan. Menurut Sulaiman et al. (2015), kesejahteraan subjektif mengukur persepsi individu mengenai pengalaman hidupnya sendiri terhadap pelbagai dimensi kehidupan. Ia merupakan satu taksiran psikologikal individu tentang kecukupan, kepuasan, kesukaan keselesaan dan kegembiraan ke atas beberapa dimensi kehidupan. Oleh yang demikian, dalam konteks kajian ini, dimensi kehidupan itu adalah kesejahteraan kewangan.

Berikut merupakan dapatan kajian yang dijalankan melalui Teknik Kumpulan Nominal (NGT) bagi memahami konsep kesejahteraan subjektif kewangan. Dapatan kajian ini di kumpul berdasarkan idea dan pandangan informan yang dikongsi bersama dengan semua informan lain dengan cara menulis di atas kertas dan menerangkannya dalam bentuk *round-robin* atau bergilir-gilir. Kemudian, idea dan pandangan mereka telah dibincangkan supaya lebih jelas dan menepati maksud sebenar. Dalam proses ini, idea yang sama telah digabungkan berdasarkan persamaan dan kesesuaian tema-tema tertentu. Seterusnya, setiap pilihan akan ditentukan keutamaannya melalui proses *ranking* berdasarkan skor markah penilaian (antara 1 – 10) iaitu markah 1 (Sangat Tidak setuju) hingga 10 (Sangat Setuju). Akhirnya, setelah proses *ranking* kali kedua dilaksanakan, sepuluh idea yang diberi ranking tertinggi akan dibincangkan semula untuk mendapatkan persetujuan setiap informan. Jadual 2 merupakan dapatan kajian selepas *ranking* kali ke dua dilaksanakan:

Jadual 2: Dapatan Kajian NGT Konsep Kesejahteraan Subjektif Kewangan (n=15)

Pernyataan	*Ranking*	Skor
Tidak berhutang/meminjam	1	142
Cukup pakai, makan dan guna untuk kesihatan	2	130
Dapat bayar hutang	3	119
Dapat beli barang keperluan	4	105
Ada duit untuk pendidikan anak	5	81
Tidak ada simpanan tidak mengapa yang penting cukup beli barang	6	71
Boleh urus duit	7	70
Boleh bantu orang lain	8	51
Menyimpan untuk kecemasan	9	34
Boleh bayar bil tertentu ikut kemampuan	10	22

Berdasarkan dapatan kajian di Jadual 1 menunjukkan bahawa, “tidak berhutang/meminjam” merupakan konsep kesejahteraan subjektif kewangan yang paling penting yang menyebabkan informan sejahtera. Ini merupakan pengetahuan kewangan dalam mengurus kewangan mereka. Namun, pengkaji juga

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 6, Issue 7, (page 27 - 39), 2021
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i7.916

mendapati bahawa komuniti Orang Asli di kawasan kajian cuba meningkatkan status hidup mereka supaya berada di tahap yang lebih baik. Penggunaan barangan dan keperluan mereka dipenuhi agar kehidupan mereka berada di satu tahap yang selesa. Hal ini adalah untuk mengelakkan persepsi negatif golongan luar yang memandang rendah kepada komuniti Orang Asli di kawasan kajian. Sebab itu, pernyataan "tidak ada simpanan tidak mengapa yang penting cukup beli barang" merupakan salah satu konsep kesejahteraan subjektif kewangan mereka.

Justeru, hal ini berkait dengan pembuatan keputusan. Sebagai pengguna, komuniti Orang Asli membeli dan menggunakan barangan serta perkhidmatan berdasarkan kemampuan yang ada pada mereka. Keputusan yang berada di tangan mereka akan menentukan barangan yang dibeli dan perkhidmatan yang akan digunakan. Oleh yang demikian, ia dapat mengelakkan mereka daripada bebanan hutang yang tinggi, terutamanya bagi komuniti Orang Asli di kawasan kajian yang jelas membeli mengikut kemampuan mereka sahaja. Justeru, kehidupan mereka cukup sekadar untuk memenuhi keperluan asas sahaja. Sebab itu "cukup pakai, makan dan guna untuk kesihatan" diletakkan pada *ranking* kedua dalam konsep kesejahteraan subjektif kewangan mereka. Kebanyakan barangan yang dibeli ialah barangan *second hand* ekoran ketidakmampuan yang menghambat mereka. Atas dasar status dan *trend*, kuasa memilih yang ada pada komuniti Orang Asli ada yang memakan diri mereka kerana peniaga yang tamak mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan daripada kelemahan mereka. Kuasa ini bukanlah kuasa mutlak, namun kurangnya pengetahuan dan pertimbangan rasional menyebabkan masyarakat Orang Asli kawasan kajian tertipu dan tertindas.

Dalam Jadual 2 juga menunjukkan konsep kesejahteraan subjektif kewangan dalam kalangan Orang Asli Mah Meri sudah mula berubah dengan mementingkan kewangan untuk pendidikan. Hal ini menunjukkan bahawa komuniti Orang Asli di kawasan kajian sudah mula berubah ke pemikiran arus perdana. Komuniti Orang Asli melihat kepentingan pendidikan secara realistik, iaitu pendidikan juga akan membawa kepada kesejahteraan kehidupan mereka. Keadaan ini jelas berlaku dalam masyarakat era kini, iaitu pergantungan manusia kepada *trend* semasa iaitu pendidikan akan mampu mengubah kehidupan mereka. Dengan keadaan tersebut, komuniti Orang Asli terpaksa mengakui kepentingan dan keperluan terhadap pendidikan dalam kehidupan seharian mereka.

Perubahan yang berlaku terbentuk hasil daripada pengalaman dalam hidup seharian mereka. Sosialisasi mereka dengan persekitaran menyebabkan perubahan dari segi pemikiran dan tingkah laku. Keperluan hidup Orang Asli yang tinggal di kawasan pinggir bandar ini didapati bergantung kepada barangan dan perkhidmatan tertentu, seperti keperluan asas harian, telekomunikasi dan sebagainya. Kebergantungan ini mendesak komuniti Orang Asli untuk akur dengan keadaan tersebut, terutamanya apabila berhadapan dengan kesukaran untuk memenuhi keperluan mereka, seperti urusan dalam urusan jual beli dan sebagainya. Desakan demi desakan yang diterima daripada persekitaran, terutama oleh belia Orang Asli telah mengubah kehidupan komuniti Orang Asli sehingga menuntut mereka untuk serta dalam kewangan arus perdana. Sebab itu kenyataan "menyimpan untuk kecemasan" adalah menjadi salah satu konsep kesejahteraan kewangan dalam diri mereka. Hal ini kerana mereka terpaksa sentiasa berjaga-jaga sebagai lokus kawalan kewangan bagi memastikan mereka berasa senang dan selesa jika ada sesuatu kesukaran yang menimpa mereka kemudian hari.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, komuniti Orang Asli di kawasan kajian berasa terdesak ekoran persekitaran mereka yang telah membangun, dan mereka menginginkan pembangunan sebagaimana yang dinikmati oleh masyarakat lain sehinggakan mereka mengikut cara hidup masyarakat lain, seperti penggunaan teknologi yang mampu dimiliki dan diguna oleh mereka, contohnya memiliki televisyen, barangan berjenama dan makanan segera atas nama pembangunan. Fenomena ini menunjukkan nilai yang berada dalam identiti seseorang dipengaruhi oleh kekuatan identiti kumpulannya (Ledgerwood, Liviatan & Carnevale, 2007), iaitu sebagaimana komuniti Orang Asli yang tinggal di pinggir bandar dalam kajian ini terpaksa berhadapan dengan nilai baharu yang telah diterima masyarakat umum, iaitu terpaksa akur akan kepentingan dan keperluan terhadap barangan dan perkhidmatan arus perdana dalam kehidupan. Oleh yang demikian, sekiranya komuniti Orang Asli turut mengikuti jejak langkah tersebut mereka akan berjaya dan maju sebagaimana masyarakat lainnya. Komuniti Orang Asli sedar bahawa persekitaran mereka mempunyai nilai yang bertentangan dengan nilai mereka yang mereka pegang

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 6, Issue 7, (page 27 - 39), 2021
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i7.916

selama ini. Jadi, mereka terpaksa berubah kepada nilai baharu, iaitu nilai tersebut mengakui kepentingan barangan dan perkhidmatan arus perdana dalam hidup mereka.

Hal ini menunjukkan nilai adalah sebahagian daripada sistem budaya yang tidak statik, boleh berubah-ubah, lebih-lebih lagi di bawah dampak globalisasi (Abdul Rahman, 2006). Perubahan konsumerisme arus perdana mendorong komuniti Orang Asli di kawasan kajian untuk akur dan menerima bahawa konsumerisme arus perdana adalah penting dan perlu dalam kehidupan mereka. Walau bagaimanapun, nilai perubahan tersebut terbentuk berserta dengan syarat yang khusus, iaitu konsumerisme arus perdana mestilah tidak mengorbankan adat mereka, terutamanya yang boleh merosakkan adat mereka. Walau bagaimanapun, tingkah laku konsumerisme tersebut tetap ditonjolkan bersama dengan sikap waspada kerana dalam masa yang sama mereka mahu mengekalkan identiti mereka.

Jadual 3 pula, menunjukkan tema yang terbentuk hasil daripada konsep kesejahteraan subjektif kewangan dalam kalangan Orang Asli Mah Meri. Tiga tema penting dalam membincangkan kesejahteraan subjektif kewangan iaitu kecukupan, keselesaan dan kepuasan. Tiga tema ini menggambar kan kesejahteraan subjektif kewangan dalam kalangan masyarakat Orang Asli Mah Meri mengenai taksiran psikologikal mereka terhadap dimensi kewangan mereka. Tema kecukupan merupakan tema yang dominan iaitu 6 daripada 10 pernyataan informan menggambarkan tema kecukupan dalam memberi makna konsep kesejahteraan subjektif kewangan dalam kalangan Orang Asli Mah Meri.

Jadual 3: Tema Konsep Kesejahteraan Subjektif Kewangan

Bil	Pernyataan	Tema
1	Tidak berhutang/meminjam	Kecukupan
2	Cukup pakai, makan dan guna untuk kesihatan	Kecukupan
3	Dapat bayar hutang	Kecukupan
4	Dapat beli barang keperluan	Kecukupan
5	Ada duit untuk pendidikan anak	Keselesaan
6	Tidak ada simpanan tidak mengapa yang penting cukup beli barang	Kecukupan
7	Boleh urus duit	Keselesaan
8	Boleh bantu orang lain	Kepuasan
9	Menyimpan untuk kecemasan	Keselesaan
10	Boleh bayar bil tertentu ikut kemampuan	Kecukupan

Oleh yang demikian, konsep kesejahteraan subjektif kewangan dalam kalangan Orang Asli memberi satu fahaman yang berbeza secara kontekstualnya. Berdasarkan dapatan kajian terdapat tiga tema besar dalam membincangkan konsep kesejahteraan subjektif kewangan iaitu: (i) kecukupan; (ii) keselesaan; dan (iii) kepuasan. Perubahan demi perubahan telah berlaku bukan sahaja dari segi tingkah laku malah juga pemikiran juga turut berubah dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Hal ini memberi gambaran bahawa komuniti Orang Asli sudah mula melibatkan diri dalam sistem kewangan arus perdana untuk mendapatkan satu tahap pencapaian hidup yang tinggi. Kehidupan mereka juga didapati sudah jauh lebih baik ekoran kesan daripada arus pemodenan yang ada. Bagi komuniti Orang Asli di kawasan kajian, walaupun jauh di pinggir bandar namun, pemilikan dan penggunaan dalam kalangan mereka adalah baik dan semakin terbuka.

Justeru konsep kesejahteraan subjektif kewangan berkait juga dengan nilai yang dipegang oleh komuniti Orang Asli. Nilai dalam pembangunan komuniti adalah penting disebabkan ianya akan memandu pemikiran dan tingkah laku dalam menerima dan mencorakkan pembangunan. Nilai dalam pembangunan bukanlah objek yang mempunyai warna atau bentuk, tetapi suatu pembentukan mental yang dihasilkan daripada tingkah laku manusia (Davidov, 2008). Nilai hanya akan mempengaruhi sikap seseorang sekiranya sikap itu aktif (Verplanken & Holland, 2002). Dapatan kajian menunjukkan bahawa konsep kesejahteraan subjektif kewangan mereka sepatutnya dilihat sebagai “proses” dan bukannya sebagai objek dalam usaha untuk mengisi pembangunan. Hal ini kerana, komuniti Orang Asli mempunyai keinginan dan kemahuan bukannya telah ditetapkan oleh golongan tertentu. Perubahan persekitaran telah

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 6, Issue 7, (page 27 - 39), 2021
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i7.916

memandu fikiran, sikap, tingkah laku dan norma dalam merespons terhadap perkara baharu di sekeliling mereka.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, beberapa perubahan positif secara evolusi telah dikesan terutamanya daripada aspek kecukupan, kepuasan dan keselesaan dalam kewangan yang menjadi petunjuk kepada pembangunan komuniti. Walaupun prosesnya mengambil masa yang lama untuk merubah namun dengan petunjuk-petunjuk yang ada menerangkan kepada kita bahawa masyarakat Orang Asli Mah Meri sudah mula berubah. Kajian ini menumpukan kepada subjektif kesejahteraan melalui pengalaman, persepsi dan tanggapan informan mengenai kesejahteraan kewangan mereka. Jika dinilai dari sudut pemilikan, simpanan, harta dan sebagainya ianya bersifat kuantitatif semata-mata. Namun kajian ini memberikan satu sudut pandang yang berbeza untuk menentukan kesejahteraan kewangan mereka dengan mengambil kira persepsi, keselesaan dan penerimaan mereka. Majoriti informan sudah mula merasakan pendidikan, teknologi dan kesihatan itu penting dan orang Asli Mah Meri didapati mengalami perubahan secara berperingkat. Sehubungan itu, aspek kesejahteraan kewangan secara subjektif perlu ditekankan lagi dalam proses pembangunan orang Asli di Malaysia. Hal ini bagi memastikan peningkatan dalam indeks Kesejahteraan Hidup masyarakat orang Asli.

Penghargaan

Penulis berterima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia atas pemberian *Fundamental Research Grant Scheme* – FRGS/1/2019/SS06/UPM/02/4 melalui sokongan kewangan dan mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penyelidikan ini. Sebilangan data dan kandungan dalam makalah ini merupakan sebahagian data daripada kajian Pembentukan Pengukuran dan Kerangka Model Bersepadu bagi Kesejahteraan Warga Emas Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

Rujukan

Abdul Rahman, E. (2006). *Negara-Bangsa Proses dan Perbahasan (edisi ke-2)*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Azyantee, M. Z. (2013). Traditions and Taboos of The Mah Meri Tribe of Tanjung Sepat, Banting, Selangor. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu, 6*(2), 155-169.

Babbie, E. (2001*). Practice of Social Research, 8th Edition*. New York: Wardsworth Publishing Company.

Blackwell, R. D., Miniard, P. W. & Engel, J. F. (2006). *Consumer Behavior. 10th ed*. USA: Thomson South-Western.

Carey, I. (1973). A Brief Account of The Mah Meri. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 46(2), 185-194.

Chan, C. S. C. (2010). *Mah Meri Onstage: Negotiating Policies, Tourism and Modernization In Kampung Sungai Bumbun, Carey Island, Malaysia* (PhD), University of Hawai'i Manoa.

Choy, E. A., Zalina, C. M. A. & Pereira, J. J. (2010). Sosioekonomi Masyarakat Orang Asli: Kajian Kes di Hutan Simpan Bukit Lagong, Selangor, Malaysia. *Jurnal Melayu*, 5, 295-314

Ching, C. C. S. (2009). Heterogeneity in the musical acquisition of Orang Asli children from the Mah Meri and Semai Groups. *Malaysian Music Journal, 1*(2), 1-19.

Consumer Financial Protection Bureau (2015*). Financial well-being: The goal of financial education*. USA: Consumer Financial Protection Bureau.

Costanza, R., Fisher, B., Ali, S., Beer, C., Bond, L., Boumans, R., Danigelise, N. L., Dickinson, J., Elliott, C., Farley, J., Gayer, D. E., Glenn, L. M., Hudspeth, T., Mahoney, D., McCahill, L., McIntosh, B., Reed, B. Rizvi, S. A. T., Rizzo, D. M., Simpatico, T. & Snapp, R. (2007). Quality of life: An approach integrating opportunities, human needs, and subjective well-being. *Ecological economics*, 61(2-3), 267-276.

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 6, Issue 7, (page 27 - 39), 2021
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i7.916

Davidov, E. (2008). A Cross-Country and Cross-Time Comparison of The Human Values Measurements with The Second Round of The European Social Survey. *Survey Research Methods*, 2(1), 33-46.

Diener, E. D., Oishi, S. & Tay, L. (2018). Advances in subjective well-being research. *Nature Human Behaviour*, 2(4), 253–260.

Ferriss, A. L. (2004). The Quality of Life Concept in Sociology. *The American Sociologist*, 35(3), 37-51.

Garman, E. T. & Forgue, R. E. (2018). *Personal Finance, 13th Edition*. US: Cengage Learning

Gomes, A. G. (2004). *Looking for Money: Capitalism and Modernity in An Orang Asli Village*. Subang Jaya: Centre for Orang Asli Concern.

Haliza, A. R. (2010). Penglibatan masyarakat peribumi dalam isu berkaitan persekitaran: tinjauan terhadap suku Mah Meri di Pulau Carey, Kuala Langat Selangor. *Kemanusiaan*, 17, 111-134.

Hasan, M. N. (1998). Masyarakat Orang Asli dan Akta 134 (Akta Orang Asli): Kaitannya dengan pembangunan. Dalam M. N. Hasan, *Warga Pribumi Menghadapi Cabaran Pembangunan* (hlm. 88-102). UKM: Jabatan Sosiologi dan Antropologi.

Hasan, M. N. (2000). Pembangunan dan Peminggiran : Kes Orang Asli. Dalam Abdul Rahman, E. *Negara, Pemasaran dan pemodenan Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hawkins, D. I., Mothersbaugh, D. L., & Best, R. J. (2007). *Consumer Behavior: Building marketing strategy. 10th ed.* USA: McGraw-Hill.

Husniyah, A. R. & Fazilah, A. S. (2012). Financial well-being among main ethnicities in Malaysia. *Consumer and Family Economics*, 15, 71-84.

Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2016). *Data Maklumat Asli Orang Asli 2016*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia.

Jariah, M. (1987). *Pengurusan Kewangan Keluarga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Joo, S. & Grable, J. E. (2004). An exploratory framework of the determinants of financial satisfaction. *Journal of Family and Economic Issues*, 25(1), 25-50.

Joo, S. & Garman, E. T. (1998). The relationship between personal financial wellness and employee productivity: A conceptual model. *Personal Finances and Worker Productivity*, 2(2), 162-171.

Kholilah, N. A., & Iramani, R. (2013). Studi Financial Management Behavior Pada Masyarakat Surabaya. *Journal Of Business and Banking*, 3(1), 69–80.

Laily, P. & Jariah, M. (2003). *Pengenalan Ekonomi Pengguna*. Serdang, Selangor: Universiti Putra Malaysia.

Lai, W. T. (2016). Gender and Livelihoods: A Case Study of the Mah Meri and the Oil Palm Plantations of Carey Island. *Asian Journal of Women's Studies,* 17(2), 66-95.

Ledgerwood, A., Liviatan, I. & Carnevale, P. J. (2007). Group-Identity Completion and The Symbolic Value of Property. *Association for Psychological* Science, 18(10), 873-878.

Majin, J. J., Azman, I., & Lamun Jailani, F. (2016). Support for Future Tourism Development, Quality of Life and Perceived Impacts of Tourism Industry Within Indigenous Community: Mah Meri of Carey Island, Malaysia. Dalam M. Abdullah, W. Yahya, N. Ramli, S. Mohamed, & B. Ahmad (Eds.), *Regional Conference on Science, Technology and Social Sciences (RCSTSS 2014)* (hlm. 1063-1073). Singapore: Springer.

Ma'rof, R. & Sarjit, S. G. (2008). *Orang Asli: Isu, Transformasi dan Cabaran.* Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Mohammad Rahim, K., Rohany, N., Wan Shahrazad W. S., Sarah Waheeda, M. H. Janetter, M. Rozainee, K. & Zainah, A. Z. (2018). Validity and Reliability of Malay Version Financial Well-Being Scale among Malaysian Employees. *Akademika*, 88(2), 109-120.

Mohd Haikal, Z., Mohd Roslan, R. & Jamilah, S. (2020). A Systematic Review on the Mah Meri People in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences,*10(16), 73-95.

Mohd Roslan, R. (2010). *Penggunaan Barangan dan Perkhidmatan Sebagai Petunjuk Pembangunan Komuniti Orang Asli Di Daerah Jelebu, Negeri Sembilan.* (Tesis Master), Universiti Putra Malaysia, Serdang

Mohd Roslan, R., Sarjit, S. G., & Ma'rof, R. (2018). Acculturation of Consumerism among the Orang Asli Community in Mersing, Johor. *Jurnal Pengguna Malaysia*, 41-56.

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 6, Issue 7, (page 27 - 39), 2021
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i7.916

Mohd Roslan, R., Sarjit, S. G., Shamsul Azahari, Z. B., Alia Fahada, W. A. R., & Adam Danial, H. G. (2019). Petunjuk pembangunan komuniti orang Asli: Suatu analisis penggunaan barangan dan perkhidmatan. *GEOGRAFIA Malaysian Journal of Society and Space*, *15*(1), 132-146.

New Economic Foundation, (2013). *Measuring national well-being: domains and measure*. Accessed online at 30 February 2021 via http://www.pns.gov.uk/ons/dcp171766_327867.pdf.

Newman, M., Thompson, C. & Roberts, A. P. (2006). Helping practitioners understand the contribution of qualitative research to evidence-based practice. *Evidence-Based Nursing*, 9(1), 4-7.

Nicholas, C. (2000). *The Orang Asli and the Contest for Resources*. Conpenhagen: IWGIA Document No. 95.

Organisation for Economic Cooperation and Development (OECD), (2013). *OECD Guidelines on Measuring Subjective Well-being.* Paris: Organisation for Economic Cooperation and Development (OECD)

Othman, L. (2007). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Puvaneswaran, K., Sarjit, S. G., Ahmad Tarmizi, T., & Ma'rof, R. (2013). Culture as an indigenous tourism product of Mah Meri community in Malaysia. *Life Science Journal*, *10*(3), 1600-1604.

Puvaneswaran, K., Sarjit, S. G., Sridar, R., Ahmad Tarmizi, T. Tom, B. & Syamsul Herman, M. F (2017). Measuring Sustainable Indigenous Tourism Indicators: A Case of Mah Meri Ethnic Group in Carey Island, Malaysia. *Sustainability*, *9*(7), 1256.

Radzi, S. B. M. (2003). Pantun Suku Kaum Mah Meri. *Akademika*, *62*(3), 41-57.

Radzi, S. B. M. (2004). Citra Melayu dalam Pantun Mah Meri *Jurnal Peradaban Melayu*, 2, 114-137.

Rahim, R. (2007). *Chita' Hae Culture, Crafts and Customs of the Hma' Meri in Kampung Sungai Bumbon, Pulau Carey*. Subang Jaya: Center For Orang Asli Concerns.

Roddin, R., Yusof, Y., Awang, H., & Warman, S. (2017). Transformation Value of Mah Meri Community in Aboriginal Tourism. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 3(6), 47-57.

Ruth, E. D. (1981). *Pengurusan Sumber Keluarga: Prinsip dan Aplikasi* (Terjemahan). Serdang: Universiti Pertanian Malaysia.

Sarjit, S. G., & Mohd Roslan, R. (2018). *Pembangunan Kontemporari Orang Asli*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Sarjit, S. G., Mohd Roslan, R., & Ma'rof, R. (2010). Acculturation of consumerism among the orang Asli community in Jelebu, Negeri Sembilan. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, 18 (2), 321-331.

Shah, N. M., Rus, R. C., Hussain, M. A. M., & Wahab, N. (2018). The Orang Asli Profile in Peninsular Malaysia: Background & Challenges. *International Journal of Academic Research In Business & Social Sciences*, *8*(7), 1157-1164.

Sina, P. G., & Noya, A. (2012). Pengaruh Kecerdasan Spiritual Terhadap. *Jurnal Manajemen*, 11(2), 171–188.

Sohana, A. H. (2016). Pengaruh Media Massa Terhadap Perubahan Sosial Masyarakat. *Journal of Social Sciens and Humanities.* 11(3), 214-226.

Sorgente, A. & Lanz, M. (2017). Emerging Adults' Financial Well-being: A Scoping Review. *Adolescent Research Review*, 2(4), 255–292.

Stevens, Kruspe, & Hajek, (2006). *Register in Mah Meri: A preliminary Phonetic Analysis*. Germany: Dresden.

Sulaiman, M. Y., Asnarulkhadi, A. S., Jeffrey, L. D., Hayrol Azril, M. S, & Hamizah, S. (2015). *Menjejaki Kesejahteraan dari Kaca Mata Komuniti Malaysia*. Cheras: Yayasan Basmi Kemiskinan.

Unit Perancang Ekonomi, (2013). *Indeks Kesejahteraan Hidup Malaysia (IKHM).* Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri Malaysia.

Verplanken, B., & Holland, R. W. (2002). Motivated Decision Making: Effects of Activation and Self-Centrality of Values on Choices and Behavior. *Journal of Personality and Social Psychology*, 82, 434-447.

Walson, C. O. & Fitzsimmons, V. S. (1993). Financial manager's perception of rural household economic well-being: Development and testing of a composite measure. *Journal of Family and Economic Issues*, 14(3), 193-215.

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 6, Issue 7, (page 27 - 39), 2021
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i7.916

Wan Norlida, W. N., Zalilah, M. S., Khor, G. L., Ng, W. C., Mirnalini, K., Nawalyah, A. G., & Hejar, A. R. (2007). Breastfeeding Practices and Nutritional Status of Orang Asli Children (Temuan and Meh Meri) in Sepang District and Carey Island. *Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences*, 3(2), 1-15.

Wan Zawawi, I. (1996). *Kami bukan anti pembangunan: Bicara Orang Asli menuju Wawasan 2020*. Bangi, Selangor: Persatuan Sains Sosial Malaysia.

Wan Zawawi, I. (2004). Globalisation and national identity: managing ethnicity and cultural pluralism in Malaysia. Dalam S. Yoichiro (Ed.), *Growth and Governance in Asia* (pp. 115-136). Honolulu: Asia-Pacific Center for Security Studies.

Wardhana, F. S., Yuhan, X., & Qian, C. (2014). A *Study of Cultural Identity, Cultural Heritage and Tourism Development in Mah Meri Community Cultural Village, Carey Island, Selangor*, Malaysia: Selangor

Wazir Jahan, B. K. (1981). *Ma' Betisek Concept of Living Things.* (PhD), New Jersey: London School of Economics.

Werner, R. (1997). *Mah Meri*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

William-Hunt, A. (1998). Orang Asli dan cabaran pembangunan. Dalam M. N. Hasan (hlm. 76-87), *Warga Pribumi Menghadapi Cabaran Pembangunan*, UKM: Jabatan Sosiologi dan Antropologi.

Wolf, D. A. (1984). Changes in household size and composition due to financial incentives. *The Journal of Human Resources*, 19(1), 87-103.